BERITA HARIAN, SABTU, 10 APRIL, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



# Berdoa agar rakyat sejahtera

MASING-masing menadah tangan kepada Allah supaya merestui doa untuk melihat rakyat terus hidup dengan keadaan yang mewah menerusi setiap pembangunan yang dijalankan.

Itulah harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) yang sentiasa mendoakan agar setiap impian rakyat akan tercapai walaupun terpaksa menempuh liku-liku yang sukar.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah (kiri) dan Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie (tengah) juga begitu khusyuk menadah tangan memohon doa, di upacara perasmian Lebuhraya Kuantan-Tanjung Gelang (Kuantan By-pass) di Kuantan, semalam.

Sesuailah dengan harapan itu, kerana Perdana Menteri menegaskan rakyat akan dapat menikmati peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih besar dengan pertumbuhan pekan-pekan kecil yang selama ini terbiar.

Gambar-Berita Harian oleh Mohd. Yusof.

No. Siri .......... 2560
No. Penerimaan ..... 305/85